






PERANGKAAN PERKHIDMATAN, SUKU TAHUN KEDUA 2025

Hasil Sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus dengan nilai mencecah RM641.4 bilion pada suku tahun kedua 2025

Hasil
RM641.4b
ST1 2025: RM630.0b
YoY (%): 5.7 QoQ (%): 1.8

Bilangan Pekerja
4.6 juta (orang)
ST1 2025: 4.5 juta (orang)
YoY (%): 2.1 QoQ (%): 0.6

Gaji & Upah
RM34.0b
ST1 2025: RM33.6b
YoY (%): 4.2 QoQ (%): 1.1



PRESTASI SEKTOR PERKHIDMATAN MENGIKUT SEGMENT, SUKU TAHUN KEDUA 2025

Perdagangan Borong & Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan

Hasil	Bilangan Pekerja	Gaji & Upah
RM484.0b	3.0 juta	RM17.7b



Maklumat & Komunikasi dan Pengangkutan & Penyimpanan

Hasil	Bilangan Pekerja	Gaji & Upah
RM89.4b	539,283	RM5.6b



Kesihatan Swasta, Pendidikan Swasta, Kesenian, Hiburan & Rekreasi dan Perkhidmatan Persendirian & Lain-lain Aktiviti

Hasil	Bilangan Pekerja	Gaji & Upah
RM24.6b	410,060	RM3.4b



Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & Khidmat Sokongan

Hasil	Bilangan Pekerja	Gaji & Upah
RM43.4b	591,550	RM7.4b



PRESTASI PENDAPATAN E-DAGANG



	ST1 2025	ST2 2025
RM bilion	311.1	313.8
YoY (%)	3.4	1.1
QoQ (%)	0.1	0.9


Nota. b: bilion

Perubahan Peratusan: Tahun ke Tahun

Sumber: Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahun Kedua 2025, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)

Hasil, Bilangan Pekerja dan Gaji & Upah, ST1 2022 – ST2 2025 (Pertumbuhan YoY)

Peratus (%)



— Bilangan Pekerja — Gaji & Upah — Hasil



@StatsMalaysia



Hasil Sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus dengan nilai mencecah RM641.4 bilion pada suku tahun kedua 2025

Sektor Perkhidmatan, Suku Tahun Kedua 2025

- Jumlah hasil sektor Perkhidmatan merekodkan RM641.4 bilion, mencatatkan pertumbuhan positif 5.7 peratus berbanding suku yang sama pada tahun 2024. Bagi perbandingan suku tahunan, jumlah hasil mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.8 peratus.
- Jumlah pekerja dalam sektor ini berjumlah 4.6 juta orang, meningkat 2.1 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan suku tahun, bilangan pekerja bertumbuh 0.6 peratus.
- Gaji dan upah pada suku tahun kedua 2025 mencatatkan pertumbuhan 4.2 peratus untuk mencapai RM34.0 bilion berbanding suku sama tahun lalu. Berbanding suku pertama 2025, gaji dan upah meningkat 1.1 peratus.
- Pada masa yang sama, pendapatan e-dagang Malaysia merekodkan RM313.8 bilion, peningkatan 1.1 peratus tahun ke tahun. Bagi perbandingan suku tahunan, pendapatan e-dagang menunjukkan peningkatan 0.9 peratus.

Prestasi mengikut Segmen

- Pada suku kedua 2025, jumlah hasil bagi segmen Perdagangan borong & runcit, Makanan & minuman dan Penginapan meningkat 4.9 peratus kepada RM484.0 bilion berbanding suku tahun kedua 2024. Kenaikan ini disumbangkan oleh subsektor Perdagangan borong & runcit (4.6%), Makanan & minuman (9.1%) dan Penginapan (14.1%). Bagi perbandingan suku tahun ke suku tahun, segmen ini meningkat 1.7 peratus.
- Peningkatan ini disokong oleh peningkatan perjalanan domestik dalam negara yang merangsang perbelanjaan pengguna yang tinggi. Di samping itu, cuti umum dan cuti perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri, Hari Wesak, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, Hari Buruh, Hari Raya Aidiladha dan cuti sekolah telah mendorong lebih ramai isi rumah untuk berbelanja. Pada masa yang sama, peningkatan ketibaan pelawat antarabangsa turut menyumbang kepada pertumbuhan segmen ini.



Hasil Sektor Perkhidmatan meningkat 5.7 peratus dengan nilai mencecah RM641.4 bilion pada suku tahun kedua 2025

- Segmen Maklumat & komunikasi serta Pengangkutan & penyimpanan mencatatkan peningkatan sebanyak 6.0 peratus bagi jumlah hasil kepada RM89.4 bilion berbanding suku kedua 2024. Pertumbuhan ini didorong oleh subsektor Pengangkutan & penyimpanan yang meningkat 9.0 peratus. Aktiviti pengangkutan Darat dan Udara masing-masing meningkat sebanyak 8.6 peratus dan 9.0 peratus, didorong oleh lonjakan 10.3 peratus dalam pergerakan penumpang udara. Selain itu, perkhidmatan Penggudangan dan sokongan berkembang sebanyak 9.7 peratus, manakala perkhidmatan Pos dan kurier mencatatkan pertumbuhan sebanyak 8.4 peratus.
- Sejumlah RM24.6 bilion hasil telah dijana daripada segmen Kesihatan swasta, Pendidikan swasta, Kesenian, hiburan & rekreasi dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti pada suku tahun kedua 2025, dengan peningkatan 12.8 peratus berbanding suku tahun kedua 2024. Prestasi ini disumbangkan oleh subsektor Kesihatan swasta (15.8%) dan Perkhidmatan persendirian & lain-lain aktiviti (10.3%), mencerminkan peningkatan perbelanjaan pengguna dalam perkhidmatan kesihatan dan penjagaan diri. Segmen ini juga menunjukkan peningkatan jumlah hasil 3.6 peratus bagi perbandingan suku tahunan.
- Pada suku kedua tahun 2025, segmen Profesional, Hartanah dan Pentadbiran & khidmat sokongan mencatatkan hasil RM43.4 bilion, peningkatan 9.9 peratus berbanding suku tahun kedua 2024. Pertumbuhan memberangsang ini dipacu oleh subsektor Profesional dan Hartanah, masing-masing meningkat sebanyak 8.5 peratus dan 11.8 peratus.
- Subsektor Pentadbiran dan Khidmat Sokongan turut meningkat, dipacu oleh pertumbuhan sebanyak 13.6 peratus dalam aktiviti agensi pelancongan, selari dengan ketibaan pelancong antarabangsa yang lebih tinggi dan peningkatan perjalanan keluar negara oleh rakyat Malaysia, terutamanya semasa musim Haji. Sementara itu, bagi perbandingan suku tahunan, segmen ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.9 peratus.

